



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 1/2012  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah bersyukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya jua kita dapat sama-sama melangkah ke tahun baru Masihi 2012 dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Sebagai warga perkhidmatan awam yang berperanan selaku tunjang dan nadi penggerak kepada pembangunan sosio-ekonomi bangsa adalah perlu bagi kita untuk mempertingkatkan azam, semangat dan iltizam yang lebih tinggi bagi memperbaiki kelemahan, meningkatkan produktiviti dan membuat sebarang perubahan dan pembaharuan yang lebih terancang dan terarah disamping menanai mandat yang telah dipertanggungjawabkan agar ianya akan dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Sepanjang tahun 2011, berbagai inisiatif telah berjaya dilaksanakan dimana kita telah dapat menyaksikan berbagai usaha pembaharuan dan penambahbaikan yang dibuat oleh Kementerian dan Jabatan. Ini adalah hasil daripada perancangan yang rapi oleh agensi-agensi yang berkenaan dan kerjasama yang padu antara Kementerian, Jabatan, sektor swasta, organisasi bukan kerajaan dan orang awam. Perkara ini hendaklah diteruskan dan dipertingkatkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda menjelang awal tahun 2012 menyeru untuk kita melangkah ketahun baru dengan azam untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang, menekankan kepentingan bagi kita untuk memelihara keamanan yang merupakan tanggungjawab bersama kerana pembangunan boleh tergendala dan gagal jika tidak ada keamanan. Begitu juga Baginda telah menekankan pentingnya amalan berjimat cermat sebagai kunci kestabilan dan kemakmuran negara. Seterusnya agar kita melipatgandakan lagi usaha kearah mempelbagaikan ekonomi negara dengan melibatkan usaha untuk mewujudkan suasana perniagaan yang lebih kondusif bagi memperkembang, mempercepat dan memudahkan lagi pembangunan pesat sektor swasta. Oleh yang demikian warga perkhidmatan awam perlu menanam semangat tinggi dalam memikul tanggungjawab dengan penuh kesungguhan dan lebih komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif dan projek-projek yang telah dirancang melalui Rancangan Kemajuan Negara yang ke-10 yang akan bermula pada 1 April 2012.

Demi untuk mencapai perubahan yang bermakna, anggota perkhidmatan awam hendaklah lebih berani mencabar diri sendiri untuk menghasilkan kerja yang lebih tinggi dan berkualiti. Maka, kita semua hendaklah bertanggungjawab pada tindak tanduk masing-masing sama ada secara individu ataupun sebagai sebuah pasukan atau organisasi supaya hasrat untuk memperbaiki kekurangan dan meningkatkan penghasilan akan berjalan dengan sempurna.

Perkhidmatan awam mestilah mendokong usaha memantapkan 'Negara Zikir'. Bermula dari urusan pentadbiran hinggalah dasar dan peraturan, sifat dan etika individu hinggalah aktiviti-aktiviti Jabatan, hendaklah mencerminkan usaha sedemikian. Perkhidmatan awam perlu dengan jelas menyampaikan dan menyebarkan pendekatan-pendekatan yang terbaik kepada orang awam melalui kaedah dan platform tertentu. Bermakna, ciri-ciri 'negara zikir' itu benar-benar diamalkan dalam perkhidmatan awam, pihak swasta dan masyarakat umum.



-2-

Dalam kita merangka agenda pembaharuan bagi tahun 2012, adalah perlu bagi kita mempertingkatkan lagi usaha-usaha dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Segala pembaharuan atau perubahan haruslah dilakukan berteraskan kepada pemikiran yang inovatif dan kreatif, nilai dan etika kerja yang positif, serta mempunyai integriti untuk mencapai produktiviti yang tinggi.

Disamping kita berusaha untuk mencapai semua ini, kita selaku warga perkhidmatan awam perlu sentiasa menanamkan sifat taat setia kepada Raja dan semangat padu bagi memelihara imej dan kredibiliti perkhidmatan awam yang berteraskan kepada konsep Melayu Islam Beraja. Semoga dengan usaha gigih yang berterusan dan kerjasama yang erat dalam Kementerian dan Jabatan-Jabatan maka usaha untuk mempelbagaikan ekonomi dan mempercepatkan perkembangan dan pembangunan sektor swasta akan dapat dicapai. Seterusnya marilah kita bekerjasama dalam sama-sama membuat persediaan bagi mejayakan mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 2013 dimana Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah.

Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua lapisan warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di luar negara, atas segala usaha, khidmat bakti dan sokongan yang diberikan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha-usaha murni kita akan sentiasa dirahmati dan diberkati demi meningkatkan taraf kesejahteraan, kemakmuran serta keamanan Negara ini.

Selamat Tahun Baru 2012

**"Akhlaq Mulia, Kehidupan Sempurna"**

**( HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM )**

Seriausaha Tetap  
Jabatan Perdana Menteri

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

Rujukan: (01)JPM/SK/2012  
Tarikh : 20 Safar 1433  
14 Januari 2012